

26/01/2000

ATM serah 37 kajian elaun kepada kerajaan

KUALA LUMPUR, Selasa - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah menyiapkan kajian mengenai 44 jenis elaun perkhidmatan yang diberi kepada anggota tentera dan akan memohon kepada kerajaan mengkajinya semula supaya ia sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kajian itu membabitkan pelbagai jenis elaun, seperti elaun kemahiran teknikal, risiko tinggi, tugas-tugas khas dan perjalanan.

"Walaupun kajian itu membabitkan 44 jenis elaun perkhidmatan, tetapi hanya 37 bentuk elaun yang akan dipertimbangkan kerana tujuh lagi sudah dimansuhkan.

"Kajian dilakukan kerana ada di antara elaun itu wujud sejak tahun 60-an dan masih diguna hingga sekarang. Ada juga elaun itu tidak sesuai dengan keadaan semasa dan perlu diubah suai.

"Oleh itu, saya akan mengemukakan (hasil kajian) kepada kerajaan untuk melihat yang mana satu boleh diterima bagi dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya bersama Pegawai Kanan Tak Bertauliah di Wisma Bintara, Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Majlis itu yang turut disusuli sesi dialog, dihadiri lebih 1,500 Pegawai Kanan Tak Bertauliah dari sekitar Lembah Klang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri majlis Perjumaan Warga Tentera Bersama Perdana Menteri di Kem Tok Jalai, Kedah November tahun lalu dilaporkan sebagai berkata, kerajaan sedang mengkaji tuntutan kenaikan bagi 44 jenis elaun anggota ATM untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, semua kediaman di kem tentera akan dicat semula bagi memastikan anggotanya tinggal dalam keadaan lebih selesa.

Dr Mahathir berkata, tuntutan kenaikan elaun anggota ATM tidak membabitkan peruntukan yang banyak dan kerajaan berjanji mengkaji dan melaksanakannya tahun ini.

Kajian mengenai tuntutan itu membabitkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbendaharaan.

Najib berkata, kajian mengenai kadar elaun perkhidmatan bagi anggota tentera itu dibuat dari semasa ke semasa.

"Kali terakhir kajian elaun anggota tentera dilakukan ialah lima tahun lalu membabitkan elaun perumahan," katanya.

Terdahulu, dalam sesi dialog dengan Pegawai Kanan Tak Bertauliah yang menghadiri majlis itu, Najib berkata kerajaan tidak akan meminggirkan masalah ATM, termasuk soal elaun sebaliknya akan terus memberi tumpuan supaya kebajikan anggota terus diperjuangkan sehingga dapat meningkatkan semangat dan menjadikan ATM sebagai sebuah angkatan yang berwibawa.

Menurutnya, pemulihan ekonomi negara membolehkan ATM mengemukakan tuntutan yang dibuat oleh anggota tentera bagi pertimbangan kerajaan.

"Bagaimanapun, dalam majlis seperti ini, sukar bagi saya untuk memberi komitmen kerana ia membabitkan implaksi kewangan dan soal dasar perkhidmatan," katanya.

(END)